



SIARAN AKHBAR

MAJLIS MENANDATANGANI PROGRAM AMBD ISLAMIC BILLS (I-BILLS) DI ANTARA AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (AMBD) DAN BANK-BANK DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) baru-baru ini telah menandatangani Program AMBD Islamic Bills (AMBD I-Bills) dengan bank-bank di Negara Brunei Darussalam. Majlis Menandatangani Program AMBD I-Bills tersebut telah diadakan pada hari Selasa, 25 Safar 1442H bersamaan dengan 13 Oktober 2020M di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Commonwealth Drive.
2. Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD. Turut hadir ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD; ahli-ahli Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah; dan pegawai-pegawai kanan dari MOFE, AMBD dan institusi-institusi kewangan.
3. Menandatangani bagi pihak AMBD ialah Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar, Pengarah Urusan. Manakala bagi bank-bank di Negara Brunei Darussalam ialah Yang Mulia Ti Eng Hui, Ketua Pengarah Eksekutif, Baiduri Bank Berhad; Yang Mulia Mubashar Khokhar, Ketua Pengarah Eksekutif, Bank Islam Brunei Darussalam Berhad; Yang Mulia Wang Xiaolin, Pengurus Am, Bank of China (Hong Kong) Limited; Yang Mulia Sulaiman Isa, Pengurus Am, Malayan Banking Berhad; Yang Mulia Haji Ishak bin Othman, *Country Head*, RHB Bank Berhad, Brunei Branch; Yang Mulia Abdul Razak bin Abdul Malek, *Senior Vice President & Country Manager*, United Overseas Bank Limited, Brunei Branch; dan Yang Mulia Annie Ng Sew Foon, *Chief Financial Officer & Chief Risk Officer*, Standard Chartered Bank, Brunei Branch.
4. Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar, dalam ucapan alu-aluannya, telah mengongsikan bahawa objektif penerbitan Program AMBD I-Bills adalah untuk membantu institusi-institusi perbankan di Negara Brunei Darussalam dalam menguruskan kecairan (*liquidity management*) dengan lebih cekap dan berkesan, dan pada masa yang sama, menambah pilihan instrumen *money market* bagi AMBD dan sektor kewangan tempatan. AMBD I-Bills yang julung kalinya dikeluarkan ini adalah berdasarkan konsep Syariah, iaitu Wakalah bil Ujrah, dan adalah

konsep Syariah yang pertama kali digunakan bagi pengeluaran sukuk di negara ini. Dengan penerbitan AMBD I-Bills ini juga, kadar yang ditawarkan akan menjadi sebahagian daripada *benchmark yield curve* bagi jangka masa pendek dan seterusnya diharap akan dapat menjadi perangsang kepada pengeluaran instrumen kewangan yang lain di negara ini di masa akan datang, khususnya bagi instrumen patuh syariah.

5. Yang Mulia Awang Mardini bin Haji Eddie, Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Operasi Monetari) dalam taklimatnya mengenai Perkembangan Sukuk di Negara Brunei Darussalam, antaralainnya, menerangkan bahawa AMBD I-Bills yang akan diperkenalkan ini mempunyai tempoh kematangan selama dua minggu dan akan ditawarkan kepada semua bank-bank yang berlesen di Negara Brunei Darussalam. Penerbitan pertama AMBD I-Bills akan dilaksanakan pada 22 Oktober 2020.
6. Selaras dengan objektif Pillar 1 dan Pillar 2 Brunei Darussalam Financial Sector Blueprint 2016-2025 (FSBP), AMBD terus melaksanakan langkah-langkah bagi mewujudkan persekitaran kewangan yang kondusif dalam usaha berterusan untuk menyokong perkembangan Kewangan Islam serta pasaran kewangan di Negara Brunei Darussalam.
7. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal mengenai AMBD I-Bills boleh didapati di laman web AMBD (www.ambd.gov.bn).

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 25 Safar 1442 / 13 Oktober 2020
Rujukan: AMBD/COMMS/3